

Tiga projek PR1MA di Kuantan

Permintaan rumah PR1MA tinggi di daerah ini

ERMA YUSNIDA JUSOH

KUANTAN

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) sedang membangunkan tiga projek perumahan di Kuantan melibatkan jumlah 5,000 unit.

Ketua Pegawai Operasi PR1MA, Datuk Aminuddin Abdul Manaf, tiga lokasi itu adalah di Tanjung Lumpur, Jalan Gambang dan Taman Halal Hub Gambang.

Menurutnya, Kuantan menjadi fokus PR1MA kerana ia mempunyai potensi besar dari segi ekonomi dan tumpuan ramai pada masa akan datang.

"Kuantan mempunyai permintaan yang tinggi terhadap sektor perumahan dengan adanya projek mega seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Taman Industri Kuantan Malaysia-China (MCKIP) di Gebeng.

"justeru, kelebihan tersebut menjadi peluang keemasan kepada kita untuk melaksanakan projek perumahan PR1MA di sini," katanya kepada media selepas Pelancaran Ekspo Jualan Perumahan - Ke Arah Sejuta Impian Edisi Pahang, Sabtu lalu.

Hadir merasmikan, Exco Perumahan dan Perbandaran negeri, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Aminuddin berkata, PR1MA membangunkan 14 projek di seluruh Pahang dengan jumlah keseluruhan 70,000 unit rumah mampu milik dengan tawaran harga yang



Wan Rosdy (empat, kiri) melakukan gimik perasmian Ekspo Jualan Perumahan Edisi Pahang.

lebih murah dari pasaran.

Tambahnya, perumahan PR1MA turut membangunkan perumahan mengikut keperluan dengan pilihan rumah setingkat dan dua tingkat berdasarkan permintaan pembeli.

"Bagi memudahkan pembeli, PR1MA juga membantu menilai kelayakan mengikut kemampuan dari segi pinjaman bank bagi proses pembelian rumah," katanya.

Aminuddin berkata, ekspo jualan yang bermula Khamis lalu dan berakhir esok menawarkan 58,000 unit rumah dari pelbagai kategori harga.

Katanya, ekspo itu turut mendapat penyertaan daripada Jabatan Perumahan Negara

dengan menawarkan 4,247 unit rumah, Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (730 unit), Perumahan Pahang (35,421 unit) manakala PR1MA (17,563 unit).

"Lebih daripada 48,000 unit rumah yang ditawarkan di ekspo ini adalah berharga di bawah RM250,000.

"Ekspo ini memberi peluang kepada pembeli untuk membuat pilihan rumah idaman berdasarkan kemampuan mereka," katanya.

Aminuddin berkata, setakat ini PR1MA

berjaya menjual 16,000 unit rumah seluruh negara dengan jangkaan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM4 bilion dalam tempoh tidak sampai dua tahun.

Sementara itu Perbadanan PR1MA Malaysia juga telah meluluskan pembinaan lebih daripada 267,640 unit rumah di seluruh negara dan ia di landasan yang ditetapkan untuk memenuhi komitmen bagi membina sebanyak 500,000 unit rumah untuk rakyat menjelang akhir tahun ini.



AMINUDDIN



Aminuddin mengiringi Wan Rosdy meninjau pameran pada Ekspo Jualan Perumahan Edisi Pahang.

Rezeki anak sulung

KUANTAN - Terpilih sebagai pembeli rumah PR1MA, Malesa Shiela Taib, 30, menyifatkannya sebagai rezeki anak sulungnya, Aaira Nur Medina Mohd Shapwan, 5 bulan.

Menurutnya, dia dan suami, Mohd Shapwan Abdul Hamid, 32, memohon rumah tersebut pada 2016.

"Kami mendapat kelulusan permohonan tahun lalu dan kami amat gembira kerana impian untuk memiliki rumah sendiri tercapai.

"Ini rumah pertama kami dan bersyukur sangat kerana proses untuk beli rumah ini berjalan lancar," katanya pada Ekspo Penjualan Rumah Edisi Pahang, Sabtu lalu.

Malesa Sheila yang merupakan kalcitangan kerajaan itu berkata, buat masa ini dia menyewa rumah di Indera Mahkota.

Katanya, rumah PR1MA miliknya yang sedang dibina terletak di Gambang.

Bagi Chan Chien Shi, 26, dari Berserah, pula gembira hasrat untuk memiliki rumah di usia muda menjadi kenyataan.

Katanya, dia tertarik dengan tawaran harga rumah PR1MA dan memilih projek di kawasan Tanjung Lumpur yang sedang



Malesa Sheila dan Mohd Shapwan gembira dapat membeli rumah PR1MA.

giat dibangunkan.

"Kita perlu merebut peluang ini kerana harga rumah PR1MA amat berpatutan berbanding yang lain.

"Sebagai orang muda yang baru bekerja, PR1MA adalah pilihan terbaik," katanya yang bekerja sebagai pegawai farmasi.